

## **GARIS PANDUAN PENGAJARAN SAMBILAN UNIVERSITI MALAYA**

### **1. Tujuan**

Garis panduan ini bertujuan sebagai panduan pengendalian pengajaran sambilan di Universiti Malaya (UM).

### **2. Definisi**

#### **(1) Tenaga Pengajar Sambilan**

- (a) Tenaga pengajar sambilan bermaksud seseorang yang dilantik untuk mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran secara sambilan bagi sesuatu kursus yang ditawarkan bagi suatu tempoh tertentu dalam satu semester.
- (b) Tenaga pengajar sambilan ini terdiri daripada:
  - (i) Staf UM dari Pusat Tanggungjawab (PTj) yang berbeza; atau
  - (ii) Individu dari luar UM.
- (c) Tenaga Pengajar Sambilan tidak boleh dilantik dari kalangan Staf PTj sendiri **kecuali** setelah mendapat kelulusan daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) bagi Program Ijazah Tinggi sahaja tertakluk kepada memenuhi semua syarat berikut:-
  - (i) Telah memenuhi syarat beban tugas pengajaran yang ditetapkan oleh PTj
  - (ii) Pengajaran dijalankan di luar waktu pejabat pada hari bekerja biasa dan pada hari Sabtu, Ahad dan Hari Kelepasan Am
  - (iii) Kos bagi bayaran ini hendaklah dibiayai dari tabung Program Ijazah Tinggi PTj masing-masing.
- (d) Syarat di perenggan 2(1)(c) tidak terpakai kepada Pensyarah yang mengajar Program Ijazah Pertama/Program Asasi.
- (e) Tenaga pengajar sambilan boleh dibahagikan kepada tiga (3) kategori berikut:-

<b>Staf UM</b>	<b>Individu luar</b>	<b>Tugas</b>
Pensyarah Sambilan Dalaman <i>(Part Time Resident Lecturer)</i>	Pensyarah Sambilan Luar <i>(Part Time Non-Resident Lecturer)</i>	Memberi kuliah/pengajaran klinikal
Pengajar Sambilan Dalaman <i>(Part Time Resident Tutor)</i>	Pengajar Sambilan Luar <i>(Part Time Non-Resident Tutor)</i>	Memberi tutorial/pengajaran klinikal/kerja lapangan
Demonstrator Sambilan Dalaman <i>(Part Time Resident Demonstrator)</i>	Demonstrator Sambilan Luar <i>(Part Time Non-Resident Demonstrator)</i>	Memberi tunjuk ajar/amali

## **(2) Jenis Program**

Terdapat dua (2) jenis program yang terlibat dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pengajaran Sambilan iaitu:-

- (a) Program Arus Perdana
- (b) Program Bukan Arus Perdana

### **(i) Program Arus Perdana**

- (A) Program di bawah kategori arus perdana merupakan program pendidikan berstruktur yang mempunyai tempoh serta hasil pembelajaran yang membawa kepada penganugerahan suatu kelayakan (Ijazah/Diploma/Sijil).
- (B) Program arus perdana adalah merujuk kepada program yang ditawarkan oleh PTj mengikut peringkat seperti berikut:
  - (AA) Program Asasi
  - (BB) Ijazah Pertama
  - (CC) Ijazah Tinggi

### **(i) Program Bukan Arus Perdana**

- (A) Program pendidikan berstruktur yang mempunyai tempoh serta hasil pembelajaran sama ada membawa kepada penganugerahan suatu kelayakan (Ijazah/Diploma/Sijil) atau tidak.
- (B) Program bukan arus perdana adalah merujuk kepada program yang ditawarkan oleh PTj antaranya:-
  - (AA) Program Mobiliti
  - (BB) Program Jangka Masa Pendek
  - (CC) Program saluran perdana yang diubahsuai berdasarkan keperluan pemegang taruh.
- (C) Kebanyakan program tersebut merupakan program yang memberi penjanaan pendapatan kepada PTj.

## **3. Pelantikan Tenaga Pengajar Sambilan**

### **(1) Keperluan Pelantikan Tenaga Pengajar Sambilan**

#### **(a) Program Arus Perdana**

Pelantikan tenaga pengajar sambilan dibuat mengikut keperluan bagi memantap dan melicinkan pengajaran dan pembelajaran di PTj berkenaan. Lazimnya, keperluan pelantikan ini adalah merupakan langkah sementara atas alasan seperti berikut:-

- (i) PTj belum mempunyai kepakaran dalam bidang yang ditawarkan atau bidang yang baharu;
- (ii) Kehilangan pakar sedia ada atas sebab peletakan jawatan, tamat kontrak, persaraan dan kematian;
- (iii) Tenaga pengajar sedia ada menjalani cuti sabatikal, cuti penyelidikan, cuti tanpa gaji (jangka pendek) dan seumpamanya;
- (iv) Beban tugas pengajaran yang tinggi bagi semester tertentu sehingga memerlukan tenaga pengajar sambilan.

**(b) Program Bukan Arus Perdana**

Pelantikan tenaga pengajar sambilan dibuat mengikut bidang kepakaran khusus dan di luar bidang tugas pengajaran hakiki bagi pengendalian program yang melibatkan penjanaan pendapatan.

(2) Perancangan Keperluan Tenaga Pengajar Sambilan Bagi Program Arus Perdana

Ketua PTJ hendaklah melaksanakan tindakan berikut:

- (a) Merancang keperluan tenaga pengajar sambilan dengan mengambil kira faktor berikut:-
  - (i) Kursus yang ditawarkan mengikut semester/penggal.
  - (ii) Mengoptimumkan tenaga staf akademik yang sedia ada di PTJ.
  - (iii) Mengagihkan jawatan-jawatan atau tugas pengajaran yang dirasakan berlebihan di sesbuah jabatan ke jabatan lain dalam PTJ masing-masing yang menghadapi kekurangan staf terutamanya bagi program/kursus-kursus baharu.
  - (iv) Mengkaji semula program dan aktiviti sedia ada supaya tidak berlaku pertindihan fungsi dan pembaziran sumber tenaga contohnya seperti penggabungan program dan seumpamanya adalah digalakkan.
- (b) Mengemukakan permohonan peruntukan pengajaran sambilan tahunan kepada Pengawal Kewangan/Bendahari.
- (c) Memantau dan mengawal bilangan pelantikan selaras dengan jumlah peruntukan pengajaran sambilan yang diluluskan bagi tahun berkenaan.

**4. Kelayakan**

Kelayakan pelantikan pengajar sambilan untuk Program Bukan Arus Perdana adalah tertakluk kepada kelulusan PTJ manakala kelayakan bagi Program Arus Perdana mengikut syarat kelayakan di bawah:-

**(1) Pensyarah Sambilan**

Memiliki sekurang-kurangnya ijazah Sarjana/Phd atau yang setaraf dengannya dan mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam bidang yang diajar.

**(2) Pengajar Sambilan**

- (a) Memiliki sekurang-kurangnya ijazah pertama atau yang setaraf dengannya dalam bidang yang berkaitan bagi mengendalikan kursus peringkat asasi dan pengajian ijazah pertama.
- (b) Memiliki sekurang-kurangnya ijazah Sarjana/PhD atau yang setaraf dengannya dalam bidang yang berkaitan bagi mengendalikan kursus peringkat ijazah Sarjana/PhD.
- (c) Memiliki sijil dan/atau pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang yang berkaitan bagi kursus seni dan kebudayaan (khusus untuk Pusat Kebudayaan).
- (d) Memiliki sekurang-kurangnya sijil dan/atau pengalaman dalam bidang yang berkaitan bagi kursus Kokurikulum yang ditawarkan oleh PTJ yang mana berkenaan.

**(3) Demonstrator Sambilan**

- (a) Memperolehi sekurang-kurangnya PNG terkumpul 3.00 (ketika pelantikan dibuat) bagi pelajar tahun akhir ijazah pertama dalam bidang yang berkaitan bagi membantu

mengendalikan kelas amali bagi kursus peringkat asasi. Had maksimum jam pengajaran adalah **6 jam seminggu**.

- (b) Memiliki sekurang-kurangnya ijazah pertama dalam bidang yang berkaitan bagi membantu mengendalikan kelas amali bagi pengajian ijazah pertama.
- (c) Memiliki sekurang-kurangnya ijazah Sarjana dalam bidang yang berkaitan bagi membantu mengendalikan kelas amali peringkat ijazah tinggi.

## 5. Kuasa Melantik

Pihak Berkuasa Melulus bagi pelantikan tenaga pengajar sambilan adalah seperti berikut:-

Jenis Program	Beban Tugas Pengajaran	Kelulusan
Program Arus Perdana	Tidak melebihi 7 jam seminggu	Ketua PTj
	Melebihi 7 jam seminggu	Ketua PTj tertakluk kepada kelulusan TNC (A&A).
Program Bukan Arus Perdana	Tiada had	Tertakluk kepada kelulusan PTj

## 6. Pelantikan

- (1) Pelantikan tenaga pengajar sambilan hendaklah dibuat bagi tempoh satu semester/penggal pada satu-satu masa.
- (2) Surat tawaran pelantikan kepada kakitangan Kerajaan dan Badan Berkanun perlu dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing.
- (3) Pensyarah/Pengajar/Demonstrator sambilan hanya dibenarkan membuat pengajaran sambilan selepas memperolehi surat tawaran pelantikan.
- (4) Calon Ijazah Tinggi Universiti Malaya yang membuat pengajaran sambilan dikehendaki mematuhi peraturan tawaran pengajian ijazah tinggi dan mendapatkan kelulusan Penyelia dan Ketua PTj di mana calon mendaftar sebelum mula bertugas.
- (5) Pemohon bukan warganegara hanya dibenarkan menjalankan tugas pengajaran sambilan setelah pihak Jabatan Imigresen Malaysia mengeluarkan Pas Lawatan Ikhtisas kepada mereka. Pemohon dikehendaki mendapatkan pas berkenaan sebelum memulakan tugas pengajaran sambilan. Pemohon bukan warganegara yang memegang Pas Penggajian atau Pas Lawatan Ikhtisas untuk berkhidmat di mana-mana majikan (bukan Universiti Malaya) hendaklah mendapatkan kebenaran dari Jabatan Imigresen Malaysia untuk berkhidmat secara sambilan di Universiti Malaya.
- (6) Kebenaran menjalankan pengajaran sambilan di Universiti Malaya oleh staf Universiti Malaya termasuk Pengajar Sementara dan Guru Bahasa perlu diperolehi dari Ketua PTj tempat pengajaran sambilan akan dijalankan sebelum memulakan pengajaran.

## 7. Kadar dan Tuntutan Bayaran

- (1) Kadar tuntutan pengajaran sambilan bagi Program Arus Perdana adalah mengikut kadar yang berkuatkuasa di UM seperti di **Jadual 1: Kadar Bayaran Pengajaran Sambilan Arus Perdana**
- (2) Bagi kadar tuntutan pengajaran sambilan untuk Program Bukan Arus Perdana adalah ditentukan oleh pihak PTj berdasarkan kemampuan tabung masing-masing.
- (3) Selain dari kadar biasa yang digunakan, pihak PTj juga boleh mengemukakan permohonan kepada TNC (A&A) untuk bayaran kadar eksklusif bagi Program Ijazah Tinggi. Kadar ini boleh dibayar sekiranya pihak PTj memenuhi 3 syarat seperti di perenggan 2(1)(c).
- (4) Pensyarah UM yang menjalankan pengajaran sambilan di PTj lain hanya akan dibayar bagi tempoh pengajaran sambilan yang melebihi had beban tugas pengajaran minimum seminggu di PTj sendiri seperti yang ditetapkan oleh pihak PTj.
- (5) Had maksimum jam pengajaran adalah 7 jam seminggu. Jumlah maksimum bayaran bagi satu tahun pengajian adalah RM20,000.00 (diluluskan oleh LPU pada 12.06.2008) dan ini termasuk bayaran pengajaran sambilan yang dilakukan di jabatan lain.
- (6) Staf dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) tidak dibenarkan menjalankan pengajaran sambilan dalam waktu pejabat.
- (7) Pensyarah sambilan (bukan staf UM) yang memberi kuliah layak membuat tuntutan perjalanan sebagaimana diluluskan oleh Pihak Berkuasa Universiti seperti berikut:
  - (a) Kadar tuntutan perjalanan bagi kenderaan sendiri mengikut kadar yang berkuatkuasa di Universiti Malaya; dan
  - (b) Jarak perjalanan yang diluluskan adalah terhad kepada maksimum 70 kilometer sahaja pergi/balik di antara rumah/tempat kerja ke Universiti Malaya bagi satu perjalanan sahaja.
    - (i) Segala permohonan tuntutan bayaran bagi pengajaran sambilan adalah bagi semester semasa sahaja dan hendaklah dikemukakan kepada pihak Bendahari.
    - (ii) Had maksimum jam pengajaran dalam seminggu adalah seperti berikut:

Jenis Program	Kategori	Had Jam Pengajaran (seminggu)
Program Arus Perdana	Pensyarah/Pengajar Sambilan Dalaman/Luar	Had jam pengajaran adalah tidak melebihi 7 jam seminggu.
	Demonstrator	Had maksimum jam pengajaran adalah 6 jam seminggu bagi pelajar tahun akhir ijazah pertama.
	Pensyarah/Pengajar Sambilan Dalaman/Luar Program Klinikal (Fakulti Perubatan & Fakulti Pergigian)	Had jam pengajaran adalah tidak melebihi 9 jam seminggu.
Program Bukan Arus Perdana	Semua kategori	Tiada had pengajaran seminggu.

## **8. Faedah Lain**

Pensyarah/Pengajar/Demonstrator Sambilan tidak berhak menerima apa-apa faedah yang diberi oleh Universiti kepada staf yang berjawatan tetap.

## **9. Bidang Tugas Pensyarah /Pengajar/Demonstrator Sambilan**

Bidang tugas Pensyarah /Pengajar/Demonstrator Sambilan boleh terdiri daripada mana-mana yang berkenaan seperti berikut:

- (a) Melaksanakan tugas-tugas pengajaran secara berkesan mengikut pro-forma dan maklumat kursus yang diluluskan.
- (b) Menjalankan kelas tutorial/kelas amali/pengajaran klinikal/kerja lapangan mengikut jadual yang ditetapkan.
- (c) Melaksanakan penilaian pelajar mengikut kaedah yang ditetapkan di dalam pro-forma kursus.
- (d) Menyedia dan memeriksa tugasan/ujian/kuiz.
- (e) Menggubal dan menyaring kertas soalan peperiksaan serta memeriksa skrip jawapan peperiksaan dalam tempoh yang ditetapkan.
- (f) Menghadiri mesyuarat saringan kertas soalan peperiksaan akhir.
- (g) Menghadirkan diri di tempat peperiksaan bagi tujuan pengawasan peperiksaan sepanjang tempoh peperiksaan kursus tersebut berlangsung.
- (h) Memasuk dan mengesahkan markah peperiksaan dalam sistem mengikut tempoh yang ditetapkan.
- (i) Melengkapkan fail kursus bagi kursus yang diajar.
- (j) Menghadiri mesyuarat Pra-Jawatankuasa Pemeriksa.
- (k) Tugas-tugas lain yang diminta oleh Ketua Jabatan/ Ketua PTJ yang berkaitan dengan pengajaran kursus berkenaan.

## **10. Prosedur Permohonan**

Prosedur dan proses permohonan bagi Program Bukan Arus Perdana adalah tertakluk kepada ketetapan PTJ manakala prosedur permohonan bagi Program Arus Perdana seperti berikut:-

- (1) Prosedur permohonan untuk menjalankan pengajaran secara sambilan perlu dibuat melalui modul sistem pengajaran sambilan.
- (2) Pentadbir Sistem setiap PTJ akan mengeluarkan iklan secara *online* bagi kursus yang memerlukan pengajaran sambilan.
- (3) Pemohon boleh mengemukakan permohonan untuk menjalankan pengajaran sambilan melalui:

- (a) Staf UM perlu memohon melalui UMPortal dengan mengikuti langkah-langkah berikut:  
UMPortal >> Staf E-Services >> Perkhidmatan >> Pengajaran Sambilan >> Permohonan.
  - (b) Individu dari luar UM boleh memohon melalui umexternal.um.edu.my .
- (4) Kelulusan perlu diperolehi sebelum pengajaran bermula.
  - (5) Sesi temuduga boleh dijalankan di peringkat PTj sekiranya diperlukan.

## **11. Prosedur Pelantikan**

- (1) Surat tawaran pelantikan pengajar sambilan bagi Program Arus Perdana dijana terus melalui sistem.
- (2) Ketua PTj dikehendaki mengemukakan justifikasi perakuan ke Bahagian Sumber Manusia (BSM) bagi permohonan yang melebihi had maksimum jam pengajaran seminggu untuk kelulusan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).
- (3) BSM akan terlibat dalam pemantauan, penyemakan semula dan penggubalan dasar-dasar yang berkaitan dengan pengajaran sambilan.

ooOOOoo

Seksyen Perkhidmatan  
Bahagian Sumber Manusia  
19 September 2019

**Jadual 1****Kadar Bayaran Pengajaran Sambilan Program Arus Perdana**

Jenis	Staf UM	Individu luar	Kadar Bayaran		
			Kadar Biasa/ Bukan Pakar (Diluluskan oleh LPU 13.12.2007)	Kadar Pakar Klinikal (Fakulti Pergigian & Fakulti Perubatan) (Diluluskan oleh LPU 10.12.2009)	Kadar Eksklusif* (Diluluskan oleh JKPU 25.02.2004)
Kuliah/ Klinikal	Pensyarah Sambilan Dalaman <i>(Part Time Resident Lecturer)</i>	Pensyarah Sambilan Luar <i>(Part Time Non-Resident Lecturer)</i>	RM150.00 per jam	RM200.00 per jam	Maksimum RM200.00 per jam dan tertakluk kepada kemampuan tabung.
Tutorial/ Klinikal	Pengajar Sambilan Dalaman <i>(Part Time Resident Tutor)</i>	Pengajar Sambilan Luar <i>(Part Time Non-Resident Tutor)</i>	RM100.00 per jam	RM150.00 per jam	
Amali	Demonstrator Sambilan Dalaman <i>(Part Time Resident Demonstrator)</i>	Demonstrator Sambilan Luar <i>(Part Time Non-Resident Demonstrator)</i>	RM50.00 per jam	RM50.00 per jam	

**Had maksimum jam pengajaran adalah 7 jam seminggu. Jumlah maksimum bayaran bagi satu tahun pengajian adalah RM20,000.00 (diluluskan oleh LPU pada 12.06.2008) dan ini termasuk bayaran pengajaran sambilan yang dilakukan di jabatan lain.**

**\*Syarat Bayaran Kadar Eksklusif**

Pembayaran kepada tenaga Pengajar Sambilan yang membuat pengajaran sambilan adalah tertakluk kepada syarat berikut:-

1. Telah memenuhi syarat beban tugas pengajaran yang ditetapkan oleh PTj.
2. Pengajaran dibuat di luar waktu pejabat pada hari bekerja biasa dan pada hari Sabtu, Ahad dan hari kelepasan Am
3. Kos bagi bayaran ini hendaklah dibiayai dari tabung berkenaan.